



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 18 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	GOLONGAN WANITA AKAN TERUS DIBANTU: NANCY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/17/golongan-wanita-akan-terus-dibantu-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/business-capital-assistance-initiative-pays-dividends/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	DUA LAGI PPS DIBUKA DI PASIR MAS, DUA SUNGAI MELEPASI PARAS BAHAYA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1190214/dua-lagi-pps-dibuka-di-pasir-mas-dua-sungai-melepasi-paras-bahaya	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	4 LELAKI DIJEL 16 TAHUN KERANA ROGOL BERKUMPULAN BUDAK 12 TAHUN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041671/4-lelaki-dijel-16-tahun-kerana-rogol-berkumpulan-budak-12-tahun	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/17/mahkamah-empat-sekawan-rogol-budak-12-tahun-dipenjara-16-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/empat-sekawan-dipenjara-16-tahun-rogol-budak-perempuan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/17/rogol-murid-12-tahun-4-lelaki-dipenjara-16-tahun/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.buletintv3.my/nasional/4-sahabat-rogol-budak-dipenjara-16-tahun/	BULETINTV3,MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/17/4-men-jailed-16-years-each-for-gang-raping-girl-12/	FREEMALAYSIATODAY.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

18/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	MUSLIM MEN CAN BE CHARGED FOR ENTICING MARRIED MUSLIM WOMEN FOR SEX, SAYS LAWYER	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/17/muslim-men-can-be-charged-for-enticing-muslim-married-women-for-sex-says-lawyer/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	#NSTVIRAL: FATHER LODGES POLICE REPORT AFTER DAUGHTER RECEIVES RAPE THREAT AT SCHOOL	
	https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2023/12/991593/nstviral-father-lodges-police-report-after-daughter-receives-rape	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	MASYARAKAT DIGALAK MENGHULURKAN BANTUAN KEPADA KANAK-KANAK KURANG BERNASIB BAIK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/17/masyarakat-digalak-menghulurkan-bantuan-kepada-kanak-kanak-kurang-bernasib-baik	UTUSANBORNEO.COM.MY



Golongan wanita akan terus dibantu: Nancy

© 2023-12-17T15:41:08+08:00

Bantuan modal, bimbingan, motivasi, dihubungkan dengan perniagaan bersama mentor berpengalaman



Nancy (depan, tiga kiri) ketika simbolik penyerahan Program Wanita Bangkit @KPWKM My Kasih Kapital YKN bersama Hanifah (depan, empat kiri) dan yang lain hari ini.

MUKAH: Golongan wanita akan terus dibantu daripada aspek ekonomi untuk mempertingkatkan kemahiran sekaligus meningkatkan taraf kehidupan diri serta keluarga.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ini termasuk bantuan modal perniagaan, bimbingan dan motivasi serta dihubungkan dengan perniagaan bersama mentor berpengalaman.

"Sejumlah RM3.1 juta peruntukan telah diserahkan khusus kepada negeri Sarawak untuk Program Wanita Bangkit," katanya pada Program Wanita Bangkit@Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) My Kasih Kapital Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di sebuah hotel peranginan di sini, hari ini.

Sehingga kini, seramai 6,208 wanita telah dibantu dengan menyertai program tersebut.

Keberkesanan program ini adalah tinggi iaitu sehingga 90 peratus peserta berjaya mengekalkan pendapatan dengan menjalankan perniagaan dari rumah.

Katanya, peserta terpilih akan terus dipantau setelah enam bulan menerima bantuan modal dan menjalani kursus daripada YKN, namun pada tahun ini pemantauan dilakukan selepas tiga bulan program.

Pemantauan kata Nancy, juga dilaksanakan oleh para sukarelawan dan pada masa sama peserta akan memberi kerjasama dengan laporan kemajuan perniagaan masing-masing.

Pemantauan bertujuan mengenal pasti peserta yang bakal dirujuk ke fasa berikutnya untuk memperkembangkan perniagaan melalui Program Penajaan Pendapatan Wanita (WEJANA) oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata, peserta turut dirujuk kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) melalui skim-skim bantuan di bawah mereka.

Mengenai program itu, ia juga telah diperkaya melalui pendekatan bimbingan, kaunseling dan pendidikan psiko daripada Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat YKN.

Ia bertujuan meningkatkan jati diri, kesedaran dan ilmu baharu melalui sokongan emosi khususnya golongan wanita yang kehilangan pendapatan, perceraian, penderaan atau terbeban dengan kos sara hidup.

Ia turut dilengkapi dengan penyediaan perkongsian pengalaman dan tip perniagaan daripada usahawan mentor untuk memberi suntikan semangat dan motivasi kepada peserta.

Nancy amat berharap agar peserta masing-masing memanfaatkan peluang ini kerana ia adalah wadah terbaik untuk meningkatkan peranan wanita dalam ekonomi negara khususnya kepada 500 peserta di Mukah yang hadir.

Turut hadir Timbalan Menteri Ekonomi merangkap Ahli Parlimen Mukah Dato Hanifah Hajar Taib.

📄 oleh Mohamad Achil Norlatap

Kategori Sarawak



Dua lagi PPS dibuka di Pasir Mas, dua sungai melepasi paras bahaya

Oleh Hidayatidayu Razali - Disember 17, 2023 @ 10:15pm
bhnews@bh.com.my



Keadaan banjir di Kampung Serongga, Pasir Mas, Kelantan. - Foto Bernama

KOTA BHARU: Dua lagi pusat pemindahan sementara (PPS) di Pasir Mas dibuka hari ini berikutan peningkatan mangsa banjir.

Setakat 9 malam, mangsa banjir mencatatkan peningkatan kepada 4,840 orang daripada 1,528 keluarga berbanding 4,549 orang petang tadi.

Kesemua mangsa banjir ini berlindung di 15 PPS di dua daerah iaitu 14 PPS di Pasir Mas dan satu PPS di Tanah Merah.

Portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan, mangsa banjir di Pasir Mas berjumlah 4,716 orang membabitkan 1,494 keluarga manakala mangsa banjir di Tanah Merah seramai 124 orang daripada 34 keluarga yang berada di satu PPS iaitu Sekolah Menengah Ugama (A) Kajang.

Sementara itu, laman web publicinfobanjir.water.gov.my melaporkan, dua sungai utama di Kelantan yang melepasi paras bahaya iaitu Sungai Golok di Rantau Panjang dengan bacaan 10.25 meter (m) dan Sungai Kelantan di Kuala Besar, Kota Bharu (1.94m).

Satu sungai melepasi paras waspada iaitu Sungai Golok di Kuala Jambu, Tumpat (2.29m).



Muslim men can be charged for enticing married Muslim women for sex, says lawyer

Fahri Azzat says they will face investigation and prosecution by Islamic religious enforcement authorities.

V Anbalagan - 17 Dec 2023, 3:50pm

107 Shares

Share Tweet Share Email



Lawyer Fahri Azzat says every state has criminal enactments on enticement, since Islam comes under state jurisdiction. (Pexels pic)

PETALING JAYA: State shariah criminal enactments can be used to charge Muslim men for enticing Muslim married women for sex, a lawyer said.

However, it would only be limited to Muslim women because shariah courts do not have jurisdiction over non-Muslims.

Fahri Azzat said the offences include enticing a female or married woman, khalwat (an unmarried man and woman being together in a secluded place), zina (sexual intercourse between a man and woman outside a valid marriage), attempted zina, and instigating a spouse to divorce.

"Muslim men are not exempted from investigation and prosecution by Islamic religious enforcement authorities.



Fahri Azzat

"This personal law is unaffected as Article 8(5) of the Federal Constitution exempts it from the non-discrimination provision in Article 8(2)," he told FMT.

He noted that every state in the federation has criminal enactments on this, since Islam comes under state jurisdiction.

Fahri said this in response to a landmark ruling by the Federal Court on Friday striking down as unconstitutional a provision in the Penal Code that makes it a crime for a man to entice a married woman.

With Section 498 struck down, it is no longer a crime if a man, Muslim or non-Muslim, entices a non-Muslim married woman.



Previously, under Section 498, a man who takes away or entices a married woman to engage in illicit sexual intercourse with her commits a criminal offence and is liable to be jailed for up to two years or to a fine, or both.

Chief Justice Tengku Maimun Tuan Mat, who led a five-member bench, said Section 498, a 152-year-old pre-Merdeka law, allows only husbands to rely on the provision and excludes wives.

"We hold that Section 498 is unconstitutional because it unlawfully discriminates only on the ground of gender, which is violative of Article 8(2)," the top judge said.

Article 8 guarantees that all persons are equal before the law and entitled to equal protection.


Tengku Maimun said the provision is not open to judicial amendment under Article 162(7) as doing so would require extensive amendment to the extent of changing the character of the offence.

"We are therefore satisfied that the only possible means to bring Section 498 into accord with the constitution is to judicially repeal it in its entirety," she said.

Meanwhile, lawyer K Shanmuga said a non-Muslim woman cannot be compelled to give evidence if she is caught for khalwat or zina with a Muslim man.

"The constitution states that the shariah court has no jurisdiction over non-Muslims," he said.

However, Fahri said a non-Muslim can voluntarily give evidence in the shariah court and be a witness of fact.



#NSTviral: Father lodges police report after daughter receives rape threat at school

By *New Straits Times* - December 17, 2023 @ 10:18pm



FILE PIC, FOR ILLUSTRATION PURPOSE ONLY.

KUALA LUMPUR: A father lodged a police report recently after his daughter received rape threat in school.

In a viral post by the father Nazri Ahmad on Facebook, he said his daughter's schoolmate did not only make such a threat, but also acted aggressively towards her.

He said his daughter was sitting down on the floor of the school's foyer with her friends when the boy stared at them.

When they caught him doing so and confronted him, he allegedly asked if they wanted to be raped, said the father in the posting.

On the same day when the school session was about to end, the group of friends saw the same boy and warned him that they would report him to the teachers, he said.

"He (the boy) replied, 'if you report, I will rape you'. My daughter hit his arm with a mineral water bottle, but he then held and shook her head before pulling her tudung.

"He then ran away.

"They reported the matter to the teacher who was nearby but unfortunately, the teacher did not notice the incident (and that) they will inform the school (about it)," he said in the long posting recently.

The father who was there to pick up his child was then informed of the incident and went on to search for the boy.

He called him out, but the boy ran into the school.

The teachers who witnessed it explained that he is an autistic boy.

"I asked them, is being autistic means he is allowed to act in such manner without action (taken against him); he can make sexual assault without consequences?

"When it happens to my own daughter, (do) you want me to stay silent?

"(Do you) want me to wait until something happens before action can be taken, sorry I am not like that," he said.

He took his daughter and lodged a report at Bukit Jelutong police station before she was referred to University Malaya Medical Centre to undergo tests.

He said that he will leave the matters to the hands of the authorities.

"This post can create awareness, at least because such matters cannot be taken as a joke or even seriously.


"Please do not normalise the actions I have written (in the posting). Advise your children and family to come forward when such cases happen.

"Seek help," he added.

The post went viral and was shared over 3,000 times at the time of writing.

When contacted, Shah Alam district police chief Assistant Commissioner Mohd Iqbal Ibrahim confirmed the report lodged.

"We will issue a press statement on it," he said.



TAJUK : SUMBAT JEL 16 TAHUN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



TERTUDUH dijatuhkan hukuman penjara 16 tahun atas kesalahan merogol secara berkumpulan terhadap budak perempuan berusia 12 tahun, tiga tahun lalu.

EMPAT SAHABAT PERKOSA MURID TAHUN ENAM

Sumbat jel 16 tahun

Oleh Zatul Iffah
Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 16 tahun terhadap empat sahabat kerana kesalahan merogol secara berkumpulan terhadap budak perempuan berusia 12 tahun, tiga tahun lalu.

Hakim Nooriah Osman memutuskan demikian selepas mendapati tertuduh, Muhammad Farizal Fauzi, 20; Tuan Muhammad Sha-

fiq Tuan Ismail, 24; Muhammad Ghardafi Abdullah, 23; dan Ahmad Syah Herfudin Omar, 26.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa bersama-sama merogol mangsa secara berkumpulan di ladang sawit di Ketengah Jaya, Dungun antara jam 9 malam hingga 11 malam, 29 September 2020.

Bagi kesalahan itu, mereka yang didakwa mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksan berdepan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun

jika sabit kesalahan.

Mahkamah semalam memerintahkan hukuman penjara terhadap tiga tertuduh bermula daripada tarikh sabitan iaitu semalam, manakala hukuman terhadap Ahmad Shah Herfudin pula bermula daripada tarikh dia ditangkap iaitu pada 11 Oktober 2020.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Nabihah Hanin Ayim manakala tertuduh diwakili peguam, Wan Syahrizal Wan Ladin dan Mohd Shahir

Mat Jusoh.

Media sebelum ini melaporkan lima lelaki dituduh kerana disyaki merogol murid tahun enam.

Dalam kejadian itu, mangsa mendakwa ditahan dua suspek dengan seorang daripadanya dikenali, yang kemudian mengajaknya ke ladang sawit sebelum dirogol.

Tiga lagi suspek yang tiba di lokasi kejadian turut merogol mangsa.

Empat lelaki pada 5 Februari lalu diarahkan membela diri manakala seorang lagi yang berusia 19 tahun dibebaskan daripada pertuduhan berkenaan.

Seorang suspek
dibebaskan daripada
pertuduhan



TAJUK : 'ENACT SPECIFIC LAW TO ADDRESS BULLYING'

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 18 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Enact specific law to address bullying'

KUALA LUMPUR: Bullying cases are still being reported regularly in schools despite the repeated calls to put an end to this unhealthy and dangerous culture.

Last month, the police confirmed that it was investigating an alleged bullying case involving a student at an elite boarding school in Kuala Kangsar, Perak, following a post that had gone viral on social media.

Just recently, a Form 2 student was reported to have run away from the dormitory of his school in Cheras here as he could not bear being bullied.

Perhaps, one of the worst cases of bullying the nation has ever seen involved National Defence University of Malaysia (UPNM) naval cadet Zulfarhan Osman Zulkarnain who died on June 1, 2017, allegedly due to bullying.

According to the Ministry of Education (MoE), up to October this year 4,994 bullying cases were reported, compared to 3,887 cases in 2022 and 326 in 2021.

Lately, there have been calls from various quarters advocating an anti-bullying law to address the abominable practice and mete out punishment proportionate to the seriousness of the offences committed by bullies.

Experts interviewed by Bernama agreed that it was high time Malaysia enacted a specific law, similar to the anti-bullying legislation implemented in the United States and the Philippines, to deal with bullying incidents.

In September, MOE launched the Guidelines for Bullying and Sexual Harassment Management to curb misconduct in schools. Experts, however, deemed it as insufficient, arguing that the enforcement of a specific anti-bullying law is vital to instil a sense of fear in bullies, prompting them to cease bullying whether in physical, verbal or cyber form.

Lawyer Muhammad Akram Abdul Aziz told Bernama the



Experts interviewed by Bernama agree that it is high time for Malaysia to enact a specific law, similar to the anti-bullying legislation implemented in the United States and the Philippines, to deal with bullying incidents. — Bernama photo

MOE guidelines alone are not sufficient as they only assist schools in managing bullying cases.

"In my opinion, enforcement (and meting out appropriate punishment) is important to teach the perpetrators a lesson and instil fear in them so that they don't easily resort to bullying," he said.

Verbal, non-verbal aspects

He said currently, the Penal Code is only applied in cases of extreme bullying which results in the victim suffering injuries or dying.

He said it is disheartening that many people are still unaware that bullying also encompasses verbal and non-verbal aspects. Verbal includes mocking, teasing or insulting a person based on their physical appearance, while

non-verbal abuse is expressed through signals or body language.

He said societal perception and understanding of bullying are often limited to physical violence, thereby denying those facing verbal or non-verbal bullying their right to genuine redress.

"This is why I believe an anti-bullying law is essential because it provides a more comprehensive approach to helping victims subjected to the actions of bullies that mock them, spread rumours about them or call them using derogatory names, as well as victims subjected to non-verbal expressions like glaring, cynical smiles and so forth," he said.

He said such acts of bullying cannot be taken lightly as they could have an impact on the victim's self-esteem and confidence, which can stretch

into adulthood, even though he or she was not bullied physically.

"(The absence of an anti-bullying law) is the reason why many people feel most victims of bullying think there's no place for them to go to or feel there's no point in making a complaint," he said.

Dr Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam, an associate researcher at the Institute for Social Science Studies, Universiti Putra Malaysia, also sees a need for Malaysia to enact an anti-bullying law.

He said to address bullying in its totality, it must be regarded as a criminal act that warrants appropriate punishment.

The absence of a specific law related to bullying in this country poses a challenge to efforts to put a stop to bullying. The existing legal provisions

The absence of a specific law related to bullying in this country poses a challenge to efforts to put a stop to bullying. The existing legal provisions (related to bullying) focus more on meting out severe penalties for offences that result in physical injuries; however, the punishment for verbal bullying is considered rather mild.

Dr Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam

(related to bullying) focus more on meting out severe penalties for offences that result in physical injuries; however, the punishment for verbal bullying is considered rather mild," he said.

Pointing to the Minor Offences Act 1955, Mohamad Naquiuddin said those convicted under this law for verbal bullying, including threatening and insulting, are imposed a paltry fine not exceeding RM100.

"However, verbal bullying is known to have severe effects on a victim, so is the punishment considered proportionate?"

His views were shared by crime analyst Shahul Hamid Abdul Rahim who said having a specific law to curb bullying will "close the space and opportunities for such crimes to occur".

Don't hide bullying cases

He said residential schools should reconsider organising orientation programmes for new students to get to know their seniors as these sessions enable bullies to identify their "potential victims".

"Since some of the senior students themselves were bullied (in the past), they may wish to perpetuate the activity. This is why I'm proposing that the orientation programme be reviewed and adapted according to the current situation," he said.

Commenting on reports that the elite school in Kuala Kangsar did not want the recent bullying case to be publicised

for fear it might tarnish its reputation, Shahul Hamid said all school authorities must take responsibility for bullying incidents that occur on their premises.


Dr Norsafatul Aznin A. Razak, a senior lecturer at the Department of Educational Psychology and Counselling at Universiti Malaysia, said school authorities that conceal bullying incidents can be likened to neglecting the well-being of their students.

"This is because every student has the right to feel safe and schools should ensure their safety," she said, adding that schools should have clear procedures for reporting, investigating and handling bullying cases.

"It is essential for them to implement programmes to prevent bullying. Parents must also be vigilant and assess whether their children have the potential to be bullied so that they can be assisted should such incidents occur," she said.

Mohamad Naquiuddin, meanwhile, urged the community including parent-teacher associations (PTAs) to play a proactive role in creating a generation that can put an end to the bullying culture.

"We need the community to be actively involved in actions to stamp out bullying. PTAs can also implement programmes to stop bullying in schools, including anti-bullying campaigns," he added. — Bernama



TAJUK : CRUCIAL FOR COMMUNITIES TO HELP UNDERPRIVILEGED CHILDREN - MINOS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 18 DIS 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Minos (third right) joins other guests in a photo-call with the children.

Crucial for communities to help underprivileged children — Minos

KOTA SAMARAHAN: It is crucial for communities to extend help to underprivileged children, says Kota Samarahan Municipal Council (MPKS) chairman Dato Peter Minos.

Drawing from his personal experience, he recalled receiving the much-needed help when he was young and about to further his studies.

"I come from a very poor family in Bau. Many people had helped me along the way - to go to school, to go to the university. So when Capt Raymond Aloba from The Salvation Army Kuching Corps came to me to seek help, it's time for me to assist them.

"We help poor underprivileged children because it is our duty to do so. If we don't help them, 'siapa akan membantu mereka

(who else will help them)?

"To me, it is important that we care, we love and render (our assistance) to them because it is part of our caring culture - to help one another," he spoke at The Salvation Army Kuching Children's Care Centre Charity Christmas Dinner at its community complex here Saturday.

Minos also commended The Salvation Army for their efforts in helping the underprivileged children, and was impressed upon learning that they were providing shelter to some 60 children at their premises.

Various performances were staged that night, including those by local Iban artiste Karen Libau and The Salvation Army Kuching Corps Songster Brigade.



TAJUK :	KPWKM TO CONTINUE PROGRAMMES THAT EMPOWER WOMEN, ASSURES MINISTER		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	18 DIS 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

KWKPM to continue programmes that empower women, assures minister

MUKAH: Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri has given assurance that her ministry (KWKPM) would continue all programmes meant to empower women. They would include business capital assistance, guidance and motivational programmes, and matching women entrepreneurs with experienced mentors. "A total of RM3.1 million in allocation has been set aside

specifically to Sarawak for 'Wanita Bangkit' programme," she spoke at an event in a hotel here yesterday, involving the symbolic handover of the 'Wanita Bangkit' programme to Deputy Economy Minister and Mukah MP Dato Hanifah Hajar Taib. It is informed that to date, a total of 6,208 women have taken part in this programme, said to be have shown high effectiveness in that up to 90

per cent of that participants have managed to maintain good income by running their business from home. Adding on, Nancy said the selected participants would continue to be monitored after six months of receiving assistance and undergoing courses run under National Welfare Foundation (YKN). "The monitoring is meant to identify participants who would be referred to the

next phase to business development, namely through the Women's Income Generation Programme (Wejana) under the Women's Development Department. "The participants would also be referred to the Ministry of Entrepreneurs Development and Cooperatives, Tekun Nasional, and Amanah Ikhtiar Malaysia, making use of the assistance schemes available under them."



TAJUK : 'SPIKE IN CHILD ABUSE CAASES A WORRYING TREND'

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 18 DIS 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

'Spike in child abuse cases a worrying trend'

By **SIMON KHOO**
simonkhoo@thestar.com.my

PETALING JAYA: Cases of child abuse have increased significantly following the Covid-19 pandemic and is a worrying trend, says a crime watch body.

Kuala Lumpur Crime Prevention Practitioners Association chairman Bok Siew Mun said there were child abuse cases almost everyday.

"Most of these abusers are people who have a close relationship with the victim such as parents, guardians, family members while some are close acquaintances.

"It may be physical, sexual or emotional but can also be due to lack of love, care and attention.

"Household financial problem is one of the factors in cases of abuse where parents consider their children to be a burden to them," he said when contacted.

Bok said lack of religious education as well as the abuser being a victim of abuse when young also contributed to this pressing issue.

He said another reason that



Bok: Awareness and prevention are essential.

causes incidents of abuse were arguments between parents leading to crisis and stress in the household.

This causes them to take out their anger on innocent children.

"Awareness and prevention are essential. The first step to know if we are facing a case of child abuse is to know the warning signs.

"We must put in place measures to offer intervention and counselling to the victim, introduce good educational pro-

grammes to teach caregivers good parenting skills.

"Protection of children should be given high priority by the society and relevant authorities," he said.

Parents were found to be behind the most number of cases related to abuse of children and minors.

Statistics also showed some 220 cases of children had died from abuse between 2018 and 2022.

Data from the Women, Family and Community Development Ministry revealed that between January and June 2022, there were 1,055 cases of child abuse.



TAJUK :	GOLONGAN WANITA AKAN TERUS DIBANTU: NANCY		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	18 DIS 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



BANTU WANITA: Nancy (depan, tiga kiri) ketika simbolik penyerahan Program Wanita Bangkit @ KPWKM My Kasih Kapital YKN bersama Hanifah (depan, empat kiri) dan yang lain semalam.

Golongan wanita akan terus dibantu: Nancy

Bantuan modal, bimbingan, motivasi, dihubungkan dengan perniagaan bersama mentor berpengalaman

Oleh Mohamad Achil Norriatep

MUKAH: Golongan wanita akan terus dibantu daripada aspek ekonomi untuk mempertingkatkan kemahiran sekali gus meningkatkan taraf kehidupan diri serta keluarga.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ini termasuk bantuan modal perniagaan, bimbingan dan motivasi serta dihubungkan dengan perniagaan bersama mentor berpengalaman.

“Sejumlah RM3.1 juta peruntukan telah diserahkan khusus kepada negeri Sarawak untuk Program Wanita

Bangkit,” katanya pada Program Wanita Bangkit@ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) My Kasih Kapital Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di sebuah hotel peranginan di sini, semalam.

Sehingga kini, seramai 6,208 wanita telah dibantu dengan menyertai program tersebut.

Keberkesanan program ini adalah tinggi iaitu sehingga 90 peratus peserta berjaya mengekalkan pendapatan dengan menjalankan perniagaan dari rumah.

Katanya, peserta terpilih akan terus dipantau setelah

“Sejumlah RM3.1 juta peruntukan telah diserahkan khusus kepada negeri Sarawak untuk Program Wanita Bangkit.”

Datuk Seri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

enam bulan menerima bantuan modal dan menjalani kursus daripada YKN, namun pada tahun ini pemantauan dilakukan selepas tiga bulan program.

Pemantauan kata Nancy, juga dilaksanakan oleh para sukarelawan dan pada masa sama peserta akan memberi kerjasama dengan laporan kemajuan perniagaan masing-masing.

Pemantauan bertujuan mengenal pasti peserta yang bakal dirujuk ke fasa berikutnya untuk memperkembangkan perniagaan melalui Program Penjanaan Pendapatan Wanita (WEJANA) oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata, peserta turut dirujuk kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) melalui skim-skim bantuan di bawah mereka.

Mengenai program itu, ia


juga telah diperkaya melalui pendekatan bimbingan, kaunseling dan pendidikan psiko daripada Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat YKN.

Ita bertujuan meningkatkan jati diri, kesedaran dan ilmu baharu melalui sokongan emosi khususnya golongan wanita yang kehilangan pendapatan, perceraian, penderaan atau terbebani dengan kos sara hidup.

Ita turut dilengkapi dengan penyediaan perkongsian pengalaman dan tip perniagaan daripada usahawan mentor untuk memberi suntikan semangat dan motivasi kepada peserta.

Nancy amat berharap agar peserta masing-masing memanfaatkan peluang ini kerana ia adalah wadah terbaik untuk meningkatkan peranan wanita dalam ekonomi negara khususnya kepada 500 peserta di Mukah yang hadir.

Turut hadir Timbalan Menteri Ekonomi merangkap Ahli Parlimen Mukah Dato Hanifah Hajar Taib.



TAJUK : KANAK-KANAK KURANG BERNASIB BAIK CERIA TERIMA HADIAH KRISMAS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 18 DIS 2023

M/SURAT : 01&02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kanak-kanak kurang bernasib baik ceria terima hadiah Krismas

MIRI: Walaupun ramai yang meraikan perayaan Krismas bersama ahli keluarga tercinta, namun tidak semua yang bernasib baik khususnya kanak-kanak yang tinggal di rumah anak yatim, yang ditinggalkan atau kehilangan kedua-dua ibu bapa.

Bagi Ahli Parlimen Miri Chiew Choon Man, kumpulan kanak-kanak ini menarik perhatian beliau untuk melakukan sesuatu dan meraikan perayaan ini bersama mereka.

"Jadi sebagai persediaan menyambut Krismas kali ini, saya telah melawat sebuah rumah anak yatim



PUTERI CANTIK: Chiew gembira dengan kegirangan Angel yang menerima gaun cantiknya daripada 'Santa Claus'.

untuk meraikan hari yang mulia ini dengan mereka.

"Saya telah membawa satu pokok Krismas dan memesan penjaga di situ untuk meminta setiap kanak-kanak

menulis hajat mereka dan gantungkan pada pokok tersebut," katanya ketika melawat ke Methodist Hope Miri, kelmarin.

"Mereka hidup bersendirian tanpa belaian dan curahan

kasih sayang yang mencukupi namun kanak-kanak ini tetap cekaal meneruskan kehidupan.

"Apabila saya baca (permintaan mereka), kanak-kanak ini sebenarnya hanya mahukan benda yang sederhana tapi sangat bermakna buat mereka.

"Ada seorang anak kecil bernama Angel, dia menulis, 'Baju puteri yang cantik'.

"Saya pun pergi ke H&M dan membeli sehelai baju untuknya.

"Ada juga yang nak mainan, nak kasut bola keranjang, jadi saya dapatkan semuanya," katanya.



Kanak-kanak kurang bernasib baik ceria terima hadiah Krismas

Dari Muka 1

Memori manis bersama kanak-kanak penghuni Methodist Hope Miri turut dikongsi Chiew dalam akaunnya di laman sosial Facebook, semalam.

Chiew turut berterima kasih kepada semua staf beliau kerana sanggup tinggal lebih masa di pejabat walaupun selepas waktu bekerja kerana mahu membantu beliau membungkus hadiah untuk insan-insan istimewa tersebut.

"Keesokan paginya (kelmarin) saya datang semula sebagai 'Santa Claus' dengan semua hadiah (yang diminta).

"Kanak-kanak tersebut sangat teruja bila nampak

Santa Claus dan terus datang memeluk saya," katanya ketika berkongsi memori manis itu dalam akaun Facebook beliau.

"Tersentuh hati saya melihat kegembiraan mereka.

"Kali ini Krismas datang awal dan mereka dapat semua hadiah yang dikehajati.

"Angela pun begitu gembira, dia terus membuka hadiahnya dan menukar kepada pakaian baharu dengan segera.

"Lepas tu kami bergambar bersama, rasanya sudah seperti abang dengan adik sendiri.

"Agaknya macamlah rasanya apabila beli hadiah untuk anak saya suatu hari nanti," tambah beliau berseloroh.

Menurut Chiew, beliau amat terharu dengan kanak-kanak terbabit yang sangat berterima kasih kepada 'Santa Claus' (beliau) kerana sudi datang bertemu mereka.

"Namun apa yang benar-benar menyentap hati saya ialah bila salah seorang daripada mereka berkata: 'Saya harap ibu bapa saya ada di sini, untuk melihat saya pakai baju cantik ini'.

"Meskipun ya, hanya satu ayat yang diungkap bersahaja namun ia sarat dengan 'kedukaan', kesunyian dan kerinduan yang amat mendalam daripada anak-anak ini.

"Betapa tabahnya kanak-kanak ini menjalani kehidupan tanpa orang yang tersayang," katanya.

"Anak Iban anak saya, anak Melayu anak saya, anak Cina anak saya, inti pati Malaysia Madani sudah ada di Sarawak sejak sekian lama. Kita hidup bersama sebagai satu keluarga tanpa mengira bangsa dan agama," tambah beliau.

Sehubungan itu, Chiew berharap orang ramai dan masyarakat Miri yang prihatin supaya meluangkan masa dan berkongsi rezeki yang lebih, dengan golongan kurang bernasib baik yang tinggal di rumah anak yatim atau di rumah orang tua.

Katanya, masyarakat perlu memastikan tiada siapa pun tertinggal dan pada masa yang sama memberikan kepada mereka sambutan Hari Krismas yang terbaik tahun ini.



TAJUK :	MASYARAKAT DIGALAK MENGHULURKAN BANTUAN KEPADA KANAK-KANAK KURANG BERNASIB BAIK		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	18 DIS 2023	M/SURAT :	06
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Masyarakat digalak menghulurkan bantuan kepada kanak-kanak kurang bernasib baik

KOTA SAMARAHAN: Masyarakat digalak menghulurkan bantuan kepada kanak-kanak kurang bernasib baik, kata Pengerusi Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) Dato Peter Minos.

Berdasarkan pengalaman peribadi beliau yang datang daripada keluarga miskin di Bau, Minos teringat dirinya pernah menerima bantuan yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran ketika masih muda.

“Saya berasal daripada keluarga yang sangat miskin dari Bau. Jadirama orang membantu saya sepanjang perjalanan... untuk pergi ke sekolah, untuk pergi ke universiti.

“Memandangkan pasukan Salvation Army Kuching yang diketuai Kapten Raymond Aloba datang kepada saya dan meminta bantuan, jadi sudah tiba masanya untuk saya membantu mereka.

“Kami membantu kanak-kanak miskin yang kurang bernasib baik kerana men-

jadi kewajipan kami untuk berbuat demikian.

“Jika kita tidak membantu mereka, siapa yang akan membantu mereka (siapa lagi yang akan membantu mereka)?” katanya kepada pemberita.

“Bagi saya, adalah penting untuk kita mengambil berat, kita menyayangi dan menghulurkan (bantuan) kepada mereka kerana ia adalah sebahagian daripada budaya kita... untuk membantu antara satu sama lain,” tambahnya.

Minos berkata demikian pada Majlis Makan Malam Krismas Pusat Asuhan Kanak-Kanak Salvation Army Kuching yang diadakan di kompleks komunitinya di sini malam kelmarin.

Beliau memuji usaha The Salvation Army menghulurkan bantuan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik, setelah kagum dengan premis mereka yang kini menjaga dan menyediakan perlindungan kepada kira-kira 60 kanak-kanak.

“Apabila saya mendengar daripada Kapten Raymond bahawa mereka perlu menjaga 60 lebih kanak-kanak, saya berasa kagum kerana ia sama dengan sikap saya sendiri terhadap kanak-kanak yang kurang bernasib baik,” katanya.

Pada majlis makan malam amal itu, pelbagai persembahan telah dibuat untuk menghiburkan tetamu – seperti daripada Briged Songster Kor Penyelamat Kuching serta artis Iban tempatan Karen Libau.



RAIKAN: Minos (kiri) bersama Raymond (kanan) dan yang lain merakam kenangan bersama semasa majlis penyampaian hadiah yang diadakan pada malam kelmarin.